

Rancang bina takungan air tambahan

Inisiatif kerajaan kurangkan risiko banjir di Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR

Kerajaan bercadang membina takungan air tambahan sebagai sebahagian daripada rancangan tebatan banjir jangka pendek dan jangka panjang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, takungan air baharu berkenaan akan mengurangkan risiko banjir kilat, terutama di Kuala Lumpur.

"Perancangan ini memang sudah ada. Cuma, kita merancang mengikut kemampuan kewangan yang ada dan apa yang ada itu kita laksanakan seboleh mungkin," katanya selepas Sidang Kemuncak Ekonomi Baharu Asia 2024 di sini pada Selasa.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, kebanyakan takungan air tersebut akan dibina di Kuala Lumpur di bawah pengawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Sudah ada projek yang dijalankan, tapi ada satu projek melibatkan masalah reka bentuk dan kontraktor jadi ini menjejaskan perancangan kita. Kita kena lihat bagaimana pelan pemulihan untuk mempercepatkan mana-mana projek



Beberapa jalan di Kuala Lumpur dinaiki air susulan hujan lebat berterusan bermula kira-kira jam 9 pagi Selasa.

tergendala disebabkan kegagalan kontraktor," katanya.

Hujan lebat luar biasa dan berterusan mulai jam 8.30 pagi Selasa di Kuala Lumpur menyebabkan beberapa sungai utama termasuk Sungai Batu, Sungai Klang dan Sungai Gombak melimpah sehingga menyebabkan banjir di beberapa kawasan.

Menurut DBKL, taburan hujan melebihi 60 milimeter (mm) direkodkan pada waktu itu jauh melebihi paras purata.

Dalam pada itu, Ketua Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Ong Siang Liang menggesa DBKL mempercepatkan kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan

sistem perparitan bagi memastikan kecekapan saliran ketika hujan lebat.

"Menurut laporan media, kebanyakan jalan di Kuala Lumpur sesak akibat banjir sehingga menyebabkan ada ahli Parlimen tidak dapat hadir pada waktu dan persidangan dimulakan lambat.

"Perkara ini amat memalukan kerana Kuala Lumpur adalah ibu kota Malaysia.

"Gerakan menggesa DBKL menyelesaikan isu ini dengan segera agar perkara seperti ini tidak berulang lagi pada masa akan datang," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, Gerakan juga mencadangkan DBKL bekerjasama rapat dengan Jabatan Meteorologi untuk mengeluarkan amaran cuaca tepat pada masanya bagi membantu penduduk bersedia menghadapi cuaca buruk.

